

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar: Berita Harian (Sisipan Minda)

Tarikh: Selasa, 6 Mei 2014

Mukasurat : 3

● Bangunan Parlimen Malaysia

*But (Selaac) - Sisipan mnde
6/5/2014 [mas]*

- terletak di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur
- simbol kepada demokrasi dan perpaduan Kerajaan Persekutuan serta aspirasi rakyat melalui perwakilan dipilih.
- badan penggubal undang-undang tertinggi negara meliputi proses rumusan, perbahasan serta kelulusan, selain pusat persidangan wakil rakyat yang terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- pembinaan bangunan ini adalah atas idea dan pandangan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj supaya sebuah bangunan khusus dikenali Bangunan Parlimen Malaysia diwujudkan.
- sebelum pembinaan Bangunan Parlimen Malaysia, persidangan perwakilan diadakan di Dewan Abdul Rahman yang kini dikenali sebagai Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC), terletak di Jalan Ampang dan dibina pada tahun 1935.
- mula dibina pada Disember 1959 dan disiapkan hampir tiga tahun kemudian, iaitu pada September 1962.
- pemilihan lokasi pembinaan Parlimen berkeluasan 16.2 hektar adalah ekoran kawasannya yang strategik, iaitu terletak di atas sebuah bukit dan berhampiran Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.
- bangunan ini dibina dengan kos RM18 juta.
- dibina menggunakan lebih sejuta batu-bata, 2,000 tan besi waja, 54,000 tan konkrit, 200,000 kampil simen dan 3,000 tan kaca.
- keseluruhan bangunan Parlimen ditutupi kaca penyerap haba dan cahaya, selain jendela lut sinar dengan corak Islam asli daripada mozek merah serta biru.
- perasmian Parlimen disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Ketiga, Tuanku Syed Putra Syed Hassan Jamalullail pada 21 November 1963.
- memiliki dua bahagian iaitu bangunan utama tiga tingkat dan menara setinggi 17 tingkat
- Parlimen menempatkan Dewan Rakyat, Dewan Negara, bilik rehat diraja, bilik jawatankuasa, bilik media, bilik Persatuan Parlimen Komanwel, bilik jamuan, pejabat pentadbiran tertinggi, tempat rehat dan pejabat pegawai kerajaan, surau serta kantin.

